

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPERLUAN TIKET PENERBANGAN  
BAGI GURU YANG BERTUGAS DI NEGERI JOHOR  
UNTUK PULANG KE NEGERI SABAH DAN SARAWAK  
SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2023**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum akan keperluan tiket penerbangan bagi guru yang ingin pulang ke negeri Sabah dan Sarawak sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun 2023.

KPM menerima maklumat seramai 10 orang guru yang terdiri daripada pelbagai kaum bersama-sama 48 orang ahli keluarga mereka mengalami kesukaran mendapatkan tiket penerbangan pulang berhari raya ke negeri Sabah dan Sarawak.

KPM cakna dan memahami kesulitan tersebut dan telah bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor serta Syarikat Penerbangan Air Asia untuk membantu mencari jalan penyelesaian dengan mendapatkan tiket penerbangan guru-guru bersama-sama ahli keluarga yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, kesemua 10 orang guru dan 48 orang ahli keluarga masing-masing telah memulakan penerbangan menaiki penerbangan Air Asia seawal 17 April 2023 dengan menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam yang layak diterima.

Umum mengetahui semua penjawat awam yang layak menerima Waran Perjalanan Udara Awam masih menerima manfaat seumpamanya. Justeru, hebahan palsu berkenaan tiket penerbangan percuma pada musim perayaan seperti yang diuar-uarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di media sosial adalah berniat untuk mengelirukan dan sedang dalam siasatan pihak polis.

KPM sentiasa komited untuk terus memastikan kesejahteraan dan kebijakan para guru sentiasa dipelihara.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**18 APRIL 2023**